Pertanika J. Soc. Sci. & Hum. 11(1): 69-79 (2003) ISSN: 0128-7702
© Universiti Putra Malaysia Press

Perbandingan Pencapaian Kognitif, Afektif dan Kompetensi Pelajar Program Keusahawanan Remaja yang Berlainan Latar Belakang Keluarga

NORASMAH HJ. OTHMAN[1] & ZAIDATOL AKMALIAH LOPE PIHIE[2]
[1]*Universiti Kebangsaan Malaysia*
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia
[2]*Universiti Putra Malaysia*
43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia

Kata kunci: Pencapaian kognitif, afektif, kompetensi pelajar keusahawanan

ABSTRAK

Keadaan persekitaran yang sesuai berkemungkinan besar dapat mengembangkan bakat dan kebolehan seseorang ke tahap tinggi dalam bidang-bidang yang diperlukan masyarakat. Persekitaran yang dimaksudkan adalah berkaitan dengan latar belakang seseorang. Banyak kajian menyatakan latar belakang serta pegangan tradisi seseorang memberi kesan terhadap pembentukan peribadi seseorang. Oleh itu, kajian ini bertujuan meninjau sejauh mana latar belakang berupaya mempengaruh pencapaian kognitif, afektif dan kompetensi pelajar dalam bidang keusahawanan. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan sebagai kaedah kajian. Set soal selidik dan ujian telah digunakan untuk menguji pencapaian kognitif, afektif dan kompetensi. Seterusnya, perbandingan pencapaian kognitif, afektif dan kompetensi pelajar Program Keusahawanan Remaja yang berlainan latar belakang keluarga telah dibuat melalui ujian MANOVA. Ujian ini telah digunakan dalam usaha mengenal pasti persamaan dan perbezaan yang mungkin wujud dalam pencapaian pelajar. Hasilnya, dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan dalam pencapaian pelajar yang mempunyai latar belakang keluarga yang berbeza.

ABSTRACT

A conducive environment may develop one's potential and ability to the needs of the society according to their respective fields. The environment refers to students' background. Studies have shown that one's background and beliefs (culture) affect the development of one's personality. Thus, the purpose of this research was to determine how student's background may influence their cognitive, affective and competency achievement in entrepreneurship. Samples were from the Adolescent Entrepreneurship Program. A questionnaire and a test were employed as the survey instrument in order to get student's achievement in cognitive, affective and competency. In addition a comparison of student's achievement in cognitive, affective and compentency were conducted in order to see their similarities and differences. The MANOVA technique was employed to gather this information. The results of this research indicated no significant different between types of paternal employment with student's achievement in general.

PENDAHULUAN

Bloom (1985) mengatakan bahawa dalam keadaan yang sesuai, bakat, kebolehan dan pencapaian seseorang berkemungkinan besar berkembang mengikut peluang-peluang pembelajaran yang ditawarkan di persekitarannya. Persekitaran yang dimaksudkan di sini berkait rapat dengan latar belakang seseorang. Ini ternyata benar apabila banyak kajian menunjukkan latar belakang serta pegangan tradisi sesebuah keluarga penting dalam pembentukan peribadi seseorang. Sehubungan itu, ramai berpendapat bahawa seseorang yang mempunyai keluarga terlibat dalam perniagaan atau bekerja sendiri akan lebih terdorong ke bidang keusahawanan.

Seterusnya Rexroad (1985), Metcalf (1985), Mann (1990) dan Robiah (1990) didapati

mempunyai pendapat yang selari dengan Bloom (1985). Kesemua mereka berpendapat bahawa perkembangan bakat di kalangan pelajar banyak dipengaruhi oleh latar belakang keluarga, terutama dari segi sikap mereka terhadap sesuatu perkara. Pendeknya, walaupun tidak terlibat secara langsung dalam sebarang aktiviti yang disertai anak-anak mereka, golongan ibu bapa dikenal pasti sebagai mempunyai pengaruh besar terhadap pencapaian pelajar terutama dalam pencapaian akademik. Malah, latar belakang keluarga mampu memberi persekitaran yang boleh mendorong seseorang mempelajari sesuatu perkara, contohnya urusan perniagaan. Dengan kata lain, keluarga terutamanya ibu bapa merupakan pendorong utama kejayaan seseorang dalam menguasai sesuatu perkara.

Kajian Bannock dan Stanworth (1990) mendapati latar belakang keluarga berupaya mempengaruhi pelajar. Umpamanya, jika ibu bapa pelajar terlibat dalam perniagaan, pelajar juga akan terdorong kepada bidang perniagaan. Ini jelas apabila dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa tahap pencapaian golongan pelajar yang berlatarbelakangkan keluarga usahawan dalam ujian berkaitan keusahawanan, sama ada dari segi pencapaian kognitif, afektif dan kompetensinya adalah lebih baik berbanding pelajar yang tidak mempunyai latar belakang keusahawanan.

Selain faktor keluarga, faktor jantina pelajar juga sering kali dikaitkan dengan tahap pencapaian pelajar dalam ujian pencapaian keusahawanan baik dari aspek kognitif, afektif dan kompetensi. Banyak kajian menunjukkan bahawa terdapat sedikit perbezaan antara pencapaian pelajar lelaki dan pelajar perempuan dalam ujian berkaitan keusahawanan. Contohnya, kajian Wee Liang Tan, Siew Lai Kuan, Wei Hong Tan dan Siow Ching Wong (1995) secara exploratori yang menguji ciri-ciri keusahawanan di kalangan pelajar di Singapura. Terdapat enam ciri keusahawanan yang dikaji, iaitu berani menanggung risiko, kawalan dalaman diri, inovatif, kepimpinan, berkeyakinan dan keinginan untuk cemerlang. Hasil kajian menunjukkan 47% daripada responden (n = 240 pelajar) memiliki ciri-ciri keusahawanan; dan hampir 51% responden tersebut adalah pelajar lelaki. Bagaimanapun, ujian Khi-Kuasa dua menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan.

Sementara, kajian Sharifah Kamaliah (1996) terhadap 390 pelajar di Daerah Hulu Langat yang mengukur 13 ciri keusahawanan di kalangan pelajar Tingkatan 4 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara ciri-ciri keusahawanan pelajar lelaki dan pelajar perempuan (ujian-t =-2.49, $p<0.05$). Dapatan yang sama juga diperoleh dalam kajian Zaidatol Akmaliah, Mohd. Majid, Abd. Rahim dan Genevieve (1998). Kajian mereka terhadap 1336 pelajar yang dijalankan secara tinjauan mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap pelajar lelaki dengan sikap pelajar perempuan terhadap keusahawanan (ujian-t =5.09, $p<0.05$).

Oleh itu, huraian serta dapatan di atas menunjukkan bahawa secara keseluruhannya jantina dan latar belakang keluarga pelajar ada mempunyai kaitan terhadap pencapaian pelajar dalam bidang keusahawanan, baik dari segi pencapaian kognitif, afektif dan kompetensinya.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meninjau sejauh mana faktor latar belakang pelajar berupaya mempengaruhi pencapaian tingkah laku kognitif, afektif dan kompetensi pelajar Program Usahawan Muda (PUM) dan Program Tunas Bistari (PTB) dalam bidang berkaitan keusahawanan. Secara terperinci, kajian ini ingin melihat sama ada terdapat atau tidak perbezaan pencapaian tingkah laku kognitif, afektif dan kompetensi keusahawanan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan PUM dan PTB. Begitu juga, dengan persamaan dan perbezaan yang mungkin wujud antara pelajar yang mempunyai latar belakang keluarga berbeza.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara terperinci, objektif kajian adalah untuk:

1. Mengenal pasti perbezaan pencapaian tingkah laku kognitif, afektif dan kompetensi pelajar PUM dan PTB.
2. Mengenal pasti perbezaan pencapaian tingkah laku kognitif, afektif dan kompetensi pelajar lelaki dan pelajar perempuan PUM dan PTB.
3. Mengenal pasti perbezaan pencapaian tingkah laku kognitif, afektif dan kompetensi pelajar yang mempunyai latar belakang keluarga yang berbeza.

Hipotesis Kajian

Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian tingkah laku kognitif, afektif dan kompetensi antara pelajar PUM dan PTB.

Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian tingkah laku kognitif, afektif dan kompetensi antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan PUM dan PTB.

Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian tingkah laku kognitif, afektif dan kompetensi antara pelajar PUM dan PTB yang berlainan latar belakang keluarga.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan sebagai kaedah kajian. Pilihan terhadap kaedah ini dibuat kerana ia bersesuaian dengan kehendak pengkaji yang ingin mengenal pasti persamaan dan perbezaan yang mungkin wujud dalam pencapaian tingkah laku kognitif, afektif, kompetensi keusahawanan pelajar PUM dan PTB berdasarkan latar belakang pelajar. Menurut Fink dan Kasecoff (1985), kaedah tinjauan merupakan satu bentuk yang sesuai digunakan dalam kajian yang bertujuan mencari serta mengumpul maklumat. Tambah mereka lagi, kaedah ini sesuai digunakan dalam menerangkan status sesuatu perkara, mempamerkan perubahan dan juga dalam membuat perbandingan.

Instrumen

Kajian ini menggunakan soal selidik dan ujian pencapaian bagi menguji hipotesis kajian. Bagi menguji pencapaian tingkah laku afektif, soal selidik yang diadaptasi daripada Zaidatol Akmaliah *et al.* (1998) telah digunakan. Soal selidik ini mengkehendaki pelajar menentukan sendiri bagaimana perasaan mereka terhadap sesuatu situasi secara jujur, dan skala likert lima poin digunakan untuk menunjukkan persetujuan dan sebaliknya bagi setiap pernyataan. Skala likert lima poin itu adalah: 1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Kurang Setuju, 4 = Setuju, dan 5 = Sangat Setuju. Berdasarkan jawapan tersebut, dijangka tingkah laku afektif akan dapat diukur mengikut persepsi pelajar. Seterusnya, tahap pencapaian tingkah laku afektif akan diukur dengan berpandukan kepada jadual interpretasi skor min seperti jadual berikut.

JADUAL 1
Jadual interpretasi skor min dimensi tingkah laku afektif

Skor min	Interpretasi skor min
1.00 - 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana rendah
3.01 – 4.00	Sederhana tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Bagi pencapaian tingkah laku kognitif dan kompetensi keusahawanan, instrumen ujian digunakan oleh pengkaji. Set ujian ini merangkumi semua aspek yang telah dipelajari oleh pelajar sepanjang menyertai program, dan merupakan cara terbaik untuk mengukur pengetahuan dan kefahaman pelajar (Collin 1991). Bagi pembinaan ujian tingkah laku kompetensi keusahawanan, senarai kompetensi Bettencourt dalam Zaidatol Akmaliah (1992) telah digunakan. Senarai kompetensi ini sesuai digunakan kerana ia telah dibentuk khas untuk pelajar sekolah menengah. Pembinaan ujian tingkah laku kognitif pula adalah berdasarkan kepada perkara-perkara yang telah dipelajari pelajar. Untuk tujuan mengenal pasti tahap pencapaian tingkah laku kognitif dan kompetensi keusahawanan pelajar, skala permarkahan yang sering digunakan dalam peperiksaan di sekolah dijadikan sebagai panduan. Justeru, skala pemarkahan dari Jabatan Pendidikan Negeri Selangor digunakan sebagai panduan pemberian markah lulus atau gagal kepada pelajar. Skala pemarkahan tersebut adalah seperti Jadual 2 di bawah:

JADUAL 2
Skala pemarkahan dimensi tingkah laku kognitif dan kompetensi keusahawanan

Skor markah	Interpretasi peratus skor
40% ke bawah	Gagal
41% - 49%	Lemah
50% - 64%	Sederhana
65% - 79%	Baik
80% - 100%	Cemerlang

Sampel Kajian

Secara keseluruhan populasi kajian terdiri daripada ahli lembaga pengarah (ALP) Program

Usahawan Muda (PUM) dan Program Tunas Bistari (PTB). PUM ialah program keusahawanan remaja yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia. PTB pula merupakan program keusahawanan remaja yang dianjurkan oleh Institut Pembangunan Pengurusan Johor, sebuah syarikat dalam Perbadanan Johor dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Johor.

Penggunaan ALP dibuat kerana tidak semua negeri memberi kursus keusahawanan kepada semua ahli programnya, dan kebanyakannya kursus-kursus hanya ditawarkan kepada ALP program sahaja. Justeru, daripada jumlah ahli seramai 7,307 orang bagi PUM dan 765 orang bagi PTB, hanya 2050 orang PUM dan 150 orang PTB sahaja yang layak menjadi kumpulan sasaran (Laporan Tahunan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Institut Pembangunan Pengurusan Johor 1999).

Setelah mengenal pasti kumpulan sasaran kajian, barulah pemilihan sampel dilaksanakan. Oleh kerana mempunyai kumpulan sasaran yang ramai dan terdapat di serata tempat, proses pemilihan sampel dibuat dalam dua peringkat. Peringkat pertama ialah peringkat di mana pemilihan sampel dibuat secara rawak berasaskan pensampelan berkelompok (cluster sampling) iaitu dalam bentuk zon. Dalam peringkat ini beberapa negeri/daerah dikumpulkan mengikut zon seperti zon utara, zon tengah, zon barat, zon timur dan zon selatan. Menurut Reaves (1992) dan Cohen dan Manion (1994), pensampelan secara berkelompok sesuai jika populasi besar dan bertaburan di serata tempat. Selain itu, Reaves juga mengatakan bahawa pensampelan cara ini dapat menjimatkan masa serta mengurangkan pelbagai masalah. Peringkat kedua ialah peringkat di mana pengkaji akan membuat pemilihan secara rawak bagi tujuan mengenal pasti negeri/daerah yang akan diambil bagi mewakili setiap zon. Setelah negeri/daerah dikenal pasti, sampel kajian akan diambil dari semua sekolah di negeri/daerah yang terpilih serta terlibat dengan program keusahawanan remaja.

Dalam menentukan saiz sampel pula, pengkaji telah menggunakan jadual penentuan Reaves (1992) dengan berasaskan jumlah kumpulan sasaran. Berpandukan jadual tersebut, seramai 339 ALP PUM dan 110 ALP PTB telah dipilih sebagai sampel kajian. Namun bagi PTB ini, pengkaji telah mengambil kesemua ALPnya (150 orang) sebagai sampel kajian kerana jumlah kumpulan sasarannya yang sedikit.

Tata cara Penganalisisan Data

Data kajian dikumpul mengikut set instrumen seperti soal selidik dan ujian. Setelah semua instrumen diperoleh, proses pengekodan dijalankan untuk memudahkan aktiviti memasukkan data ke dalam program SPSS versi 10. Proses penganalisisan data melibatkan dua jenis statistik iaitu deskriptif dan inferensi.

Statistik deskriptif yang digunakan ialah peratusan, min dan sisihan piawai. Manakala, statistik inferensi pula digunakan untuk melihat persamaan dan perbezaan seperti analisis varians berganda (MANOVA).

DAPATAN KAJIAN

Perbandingan pencapaian tingkah laku kognitif, afektif dan kompetensi pelajar (pemboleh ubah bersandar) berdasarkan program (PUM dan PTB), jantina (lelaki dan perempuan) dan latar belakang pekerjaan penjaga (kerajaan, swasta, peniaga, petani dan tidak bekerja) telah dianalisis secara serentak. Program, jantina dan latar belakang pekerjaan penjaga pelajar merupakan pemboleh ubah tak bersandar kajian. Oleh kerana perbandingan dijalankan serentak, maka ujian MANOVA digunakan bagi menguji tiga hipotesis berikut:

Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian tingkah laku kognitif, afektif dan kompetensi antara pelajar PUM dan PTB.

Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian tingkah laku kognitif, afektif dan kompetensi antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan PUM dan PTB.

Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian tingkah laku kognitif, afektif dan kompetensi antara pelajar yang berlainan latar belakang keluarga.

Sebelum ujian MANOVA dijalankan, pengkaji terlebih dahulu menjalankan ujian bagi menentukan kehomogenan varian-kovarian dengan menggunakan ujian Box's M (Box's M test). Ujian ini penting untuk menentukan sama ada varian-kovarian di kalangan pembolehubah bersandar adalah sama atau tidak, merentasi semua pembolehubah tak bersandar. Ini

merupakan prasyarat penting bagi ujian MANOVA. Ujian MANOVA mengandaikan bahawa varian-kovarian di kalangan pemboleh-ubah bersandar adalah sama, merentasi semua pembolehubah bebas. Dalam hal ini, jika nilai paras kesignifikanan lebih besar dari 0.01, maka ini bermakna ujian MANOVA boleh digunakan (Tabachnick dan Fidell 1996).

Jadual 3 menunjukkan hasil ujian Box's M yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di kalangan pembolehubah bersandar untuk semua pembolehubah tak bersandar apabila nilai F (96,532) =0.82, p>0.05.

JADUAL 3
Ujian Box's M

Box's M	F	dk 1	dk2	paras kesignifikanan
147.95	0.86	96	532	0.82

Dalam analisis MANOVA ini, ujian statistik Pillai's Trace telah digunakan kerana bilangan sampel kajian antara program (PUM dan PTB) didapati tidak sama. Menurut Tabachinck dan Fidell (1996), Pillai's Trace sesuai digunakan jika perkara-perkara seperti saiz sampel kecil, bilangan sampel tidak sama atau pun tidak menepati prasyarat (violation of assumptions).

Jadual 4 menunjukkan analisis data yang diperoleh hasil daripada ujian MANOVA. Data ini menunjukkan sama ada terdapat atau tidak persamaan atau perbezaan antara pencapaian tingkah laku pelajar berdasarkan program, jantina dan latar belakang pekerjaan penjaga. Hasilnya, Jadual 4 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian tingkah laku pelajar berdasarkan program. Ini dapat dilihat dengan jelas apabila nilai Pillai's Trace = 0.53 dan nilai F (3,379) = 7.12, p<0.05. Manakala, tiada perbezaan yang signifikan dalam pencapaian tingkah laku pelajar berdasarkan jantina dan latar belakang pekerjaan penjaga. Ini ditunjukkan apabila nilai Pillai's Trace bagi jantina ialah 0.13 dengan nilai F (3,379) = 1.71, p>0.05. Begitu juga dengan latar belakang pekerjaan penjaga apabila nilai Pillai's Trace ialah 0.02 dengan nilai F(12, 1143) = 0.69, p>0.05.

Bagi kesan interaksi antara program dengan jantina, nilai Pillai's Trace yang diterima ialah 0.00. Sementara, nilai F (3, 379) = 0.45, p> 0.05. Kesan interaksi antara program dengan latar belakang pekerjaan penjaga ialah 0.28; nilai F (12, 1143) = 0.89, p>0.05. Interaksi antara jantina dengan latar belakang pekerjaan penjaga pelajar menunjukkan nilai Pillai's Trace ialah 0.02; dengan nilai F (12, 1143) =0.87, p> 0.05. Manakala, interaksi antara program, jantina dan latar belakang pekerjaan penjaga pula menunjukkan nilai Pillai's Trace 0.01 dengan nilai F (12,1143) =0.26, p> 0.05. Analisis-analisis data ini menerangkan bahawa tidak terdapat kesan interaksi yang signifikan antara program, jantina dan latar belakang pekerjaan penjaga terhadap pencapaian tingkah laku pelajar.

Lanjutan daripada Jadual 4, analisis ANOVA berganda seperti Jadual 5 dilakukan untuk melihat perbezaan min bagi setiap pemboleh ubah bersandar berdasarkan program, jantina dan juga latar belakang pekerjaan penjaga.

Berdasarkan Jadual 5, didapati hanya terdapat satu perbezaan yang signifikan iaitu

JADUAL 4
Analisis MANOVA: Perbezaan pencapaian tingkah laku pelajar berdasarkan program, jantina dan latar belakang pekerjaan penjaga pelajar

Kesan	nilai Pillai's Trace	F	darjah antara kumpulan	darjah dalam kumpulan	paras kesignifikanan
Program	0.53	7.12	3	379	0.00*
Jantina	0.13	1.71	3	379	0.17
Kpenjaga[a]	0.02	0.69	12	1143	0.76
Program * Jantina	0.00	0.45	3	379	0.72
Program* Kpenjaga	0.03	0.89	12	1143	0.55
Jantina *Kpenjaga	0.02	0.57	12	1143	0.87
Program* jantina* kpenjaga	0.01	0.26	12	1143	0.99

Kpenjaga[a] = latar belakang pekerjaan penjaga

JADUAL 5
Ujian ANOVA berganda: Perbandingan pencapaian tingkah laku kompetensi, kognitif, afektif berdasarkan program, jantina dan latar belakang pekerjaan penjaga

Kesan	Pemboleh ubah bersandar	jkd	dk	mkd	F	sig.
Program	Kompetensi	16.03	1	16.03	1.72	0.19
	Kognitif	181.19	1	181.19	15.08	0.00*
	Afektif	7.81E-02	1	7.81E-02	1.51	0.22
Jantina	Kompetensi	6.32	1	6.32	0.67	0.41
	Kognitif	4.20	1	4.20	0.35	0.56
	Afektif	0.18	1	0.18	3.48	0.06
Kpenjaga[a]	Kompetensi	53.52	4	13.38	1.42	0.22
	Kognitif	17.50	4	4.37	0.36	0.83
	Afektif	7.45E-02	4	1.87E-02	0.36	0.84
Program * Jantina	Kompetensi	12.12	1	12.12	1.29	0.26
	Kognitif	0.06	1	0.06	0.00	0.95
	Afektif	1.97E-04	1	1.97E-04	0.00	0.95
Program* Kpenjaga	Kompetensi	56.89	4	14.22	1.51	0.20
	Kognitif	27.64	4	6.91	0.56	0.68
	Afektif	0.11	4	6.52E-02	0.51	0.73

Kpenjaga[a] = latar belakang pekerjaan penjaga

pencapaian tingkah laku kognitif antara program dengan nilai F(1,401) =15.08, p<0.05. Ini jelas dapat dilihat dalam Jadual 6 (sila rujuk Lampiran A) apabila min dimensi tingkah laku kognitif pelajar PUM ialah 16.22 (s.p =0.27) dan min pelajar PTB pula ialah 14.06 (s.p =0.48). Ini bermakna pelajar PUM mempunyai pencapaian yang lebih baik daripada pelajar PTB dalam ujian tingkah laku kognitif secara signifikan. Sementara, pencapaian tingkah laku kompetensi dan tingkah laku afektif antara pelajar PUM dan PTB menunjukkan tidak terdapatnya perbezaan yang signifikan. Ini jelas apabila nilai F(1,401) = 1.72, p>0.05 bagi pencapaian tingkah laku kompetensi. Secara terperinci, min pencapaian tingkah laku kompetensi pelajar PUM ialah 10.56 (s.p =0.24) dan min PTB ialah 11.18 (s.p =0.43). Begitu juga dengan pencapaian tingkah laku afektif apabila nilai F (1,401) =1.51, p>0.05; walau pun min PUM adalah lebih tinggi sedikit daripada min PTB (min PUM =3.87, s.p =0.02; min PTB =3.78, s.p = 0.03) (sila rujuk Jadual 6 di Lampiran A).

Seterusnya, Jadual 5 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian tingkah laku kompetensi, kognitif dan afektif antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Ini jelas ditunjukkan dalam jadual apabila nilai F (1,401) =0.67, p>0.05 bagi tingkah laku kompetensi; sementara, bagi tingkah laku kognitif nilai F(1,401) = 0.35, p>0.05; dan nilai F(1,401) =3.48, p>0.05 bagi tingkah laku afektif. Ini terbukti apabila min pencapaian tingkah laku kompetensi pelajar lelaki ialah 10.65 (s.p =0.38) dan min pelajar perempuan ialah 11.06 (s.p =0.32). Manakala, min pencapaian tingkah laku kognitif pelajar lelaki ialah 15.30 (s.p =0.43) dan min pelajar perempuan ialah 14.98 (s.p 0.36). Begitu juga dengan min tingkah laku afektif apabila pelajar lelaki menerima 3.77 (s.p = 0.03) dan pelajar perempuan pula ialah 3.84 (s.p = 0.02) (sila rujuk Jadual 6 di Lampiran A).

Data Jadual 5 juga menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara pencapaian tingkah laku kompetensi, kognitif, afektif pelajar berdasarkan latar belakang pekerjaan penjaga mereka. Ini jelas apabila nilai F (4,401) =1.42, p>0.05 bagi tingkah laku kompetensi. Jadual 6 di Lampiran A menunjukkan min pencapaian tingkah laku kompetensi bagi pelajar yang mempunyai penjaga bekerja dengan kerajaan ialah 10.65 (s.p =0.27), swasta = 11.05 (s.p =0.39), peniaga = 9,.96 (s.p =0.39), petani = 10.93 (s.p =0.59) dan tidak bekerja = 11.69 (s.p =0.88).

Bagi pencapaian tingkah laku kognitif, Jadual 5 juga menunjukkan tiada terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar

berdasarkan latar belakang pekerjaan penjaga mereka dengan nilai F(4,401) = 0.36, p>0.05. Penerangan secara terperinci ditunjukkan pada Jadual 5 (Lampiran A) iaitu min pencapaian tingkah laku kognitif pelajar yang mempunyai penjaga bekerja dengan kerajaan ialah 14.77 (s.p =0.30), swasta =15.21 (s.p =0.44), peniaga = 14.97 (s.p =0.44), petani = 14.92 (s.p =0.67) dan tidak bekerja =15.82 (s.p =0.99).

Seterusnya pencapaian tingkah laku afektif pelajar juga tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan berdasarkan latar belakang pekerjaan penjaga. Nilai F (4,401) = 0.36, p >0.05. Secara terperinci, min pencapaian tingkah laku afektif pelajar yang mempunyai penjaga bekerja dengan kerajaan ialah 3.81 (s.p =0.02), swasta =3.84 (s.p =0.03), peniaga = 3.81 (s.p =0.04) dan tidak bekerja = 3.77 (s.p =0.07).

Sehubungan itu Jadual 4 juga menunjukkan tidak terdapat kesan interaksi yang signifikan antara jenis program dan jantina pelajar dengan pencapaian tingkah laku kompetensi, kognitif dan afektif. Ini jelas apabila nilai F(4,401)= 1.29, p>0.05 bagi tingkah laku kompetensi. Secara terperinci, min tingkah laku kompetensi pelajar lelaki PUM ialah 10.61 (s.p =0.39) dan pelajar lelaki PTB pula ialah 10.70 (s.p =0.64). Sementara, min tingkah laku kompetensi pelajar perempuan PUM ialah 10.46 (s.p =0.29) dan pelajar perempuan PTB pula ialah 11.65 (s.p =0.56) (sila rujuk jadual 7 di Lampiran B).

Nilai F pencapaian tingkah laku kognitif pula ialah F(4,401) =0.00, p>0.05. Secara terperinci, Jadual 7 di Lampiran B menunjukkan min pencapaian tingkah laku kognitif pelajar lelaki PUM ialah 16.40 (s.p =0.44) dan pelajar lelaki PTB pula ialah 14.21 (s.p =0.73). Sementara min tingkah laku kognitif pelajar perempuan PUM ialah 16.03 (s.p = 0.33) dan pelajar perempuan PTB ialah 13.92 (s.p =0.64).

Begitu juga dengan pencapaian tingkah laku afektif yang menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara pencapaian tingkah laku afektif pelajar PUM dan pelajar PTB dengan nilai F(4,401) = 0.00, p>0.05. Secara terperinci, Jadual 7 menunjukkan min tingkah laku afektif pelajar lelaki PUM ialah 3.79 (s.p =0.03) dan pelajar lelaki PTB ialah 3.75 (s.p =0.05). Manakala, min tingkah laku afektif pelajar perempuan PUM ialah 3.86 (s.p =0.02) dan pelajar perempuan PTB ialah 3.82 (s.p =0.04) (sila rujuk Lampiran B).

Seterusnya, Jadual 5 juga menunjukkan bahawa tiada terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian tingkah laku kompetensi, kognitif, afektif antara pelajar PUM dan PTB yang berlainan latar belakang pekerjaan penjaga. Ini jelas apabila nilai F yang ditunjukkan adalah tidak signifikan iaitu F(4,401) =1.51, p>0.05 bagi pencapaian tingkah laku kompetensi. Jadual 7 (Lampiran B) menunjukkan min tingkah laku kompetensi pelajar PUM yang mempunyai penjaga bekerja kerajaan ialah 10.62 (s.p = 030), swasta =10.99 (s.p = 0.44), peniaga = 10.51 (s.p =0.43), petani = 10.36 (s.p =0.49) dan tidak bekerja = 10.13 (s.p =0.87). Manakala, min tingkah laku kompetensi pelajar PTB yang mempunyai penjaga bekerja dengan kerajaan ialah 10.62 (s.p =0.44), swasta =11.10 (s.p =0.65), peniaga = 9.41 (s.p =0.66), petani = 11.50 (s.p =1.08) dan tidak bekerja = 13.25 (s.p =1.53).

Begitu juga dengan pencapaian tingkah laku kognitif apabila data menunjukkan tiada perbezaan antara pelajar PUM dan pelajar PTB yang mempunyai latar belakang penjaga yang berbeza. Nilai F yang diterima ialah F(4,401) =0.56, p>0.05. Maklumat jelas dapat dilihat pada Jadual 7 iaitu min tingkah laku kognitif pelajar PUM yang mempunyai penjaga bekerja kerajaan ialah 15.80 (s.p =0.34), swasta = 16.53 (s.p =0.49), peniaga =16.19 (s.p =0.49), petani =16.63 (s.p =0.55) dan tidak bekerja =15.90 (s.p =0.99). Manakala, min tingkah laku kognitif pelajar PTB yang mempunyai penjaga bekerja kerajaan pula ialah 13.74 (s.p = 0.49), swasta = 13.88 (s.p =0.73), peniaga =13.76 (s.p =0.74), petani = 13.17 (s.p =1.13) dan tidak bekerja = 15.75 (s.p =1.73) (sila rujuk Lampiran B).

Perbandingan antara pencapaian tingkah laku afektif antara pelajar PUM dan pelajar PTB yang mempunyai latar belakang pekerjaan penjaga berbeza juga menunjukkan dapatan yang tidak berbeza secara signifikan. Nilai F yang diterima ialah F(4,401) =0.51, p>0.05. Secara terperinci, data di Jadual 7 di Lampiran B menunjukkan bahawa min tingkah laku afektif pelajar PUM yang mempunyai penjaga bekerja kerajaan ialah 3.82 (s.p =0.02), swasta =3.83 (s.p =0.03), peniaga = 3.82 (s.p =0.03), petani =3.81 (s.p =0.4) dan tidak bekerja = 3.85 (s.p =0.07). Manakala, min tingkah laku afektif pelajar PTB yang mempunyai penjaga bekerja kerajaan ialah 3.79 (s.p =0.03), swasta = 3.84 (s.p =0.05), peniaga = 3.80 (s.p = 0.05), petani = 3.82 (s.p = 0.08) dan tidak bekerja =3.67 (s.p =0.11).

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Secara amnya, dapatan pengkaji melalui analisis ujian MANOVA menunjukkan bahawa tiada terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian tingkah laku kognitif, afektif dan kompetensi pelajar berdasarkan jantina dan latar belakang pekerjaan penjaga (sila rujuk Jadual 4, 5, 6 dan 7). Ini bermakna skor pencapaian tingkah laku kognitif, kompetensi dan afektif pelajar adalah sama atau hampir sama tanpa mengira mereka pelajar lelaki atau pelajar perempuan; pelajar yang mempunyai latar belakang penjaga peniaga atau pun tidak. Justeru, dapatan pengkaji ini selari dengan dapatan pengkaji-pengkaji terdahulu seperti Hatten (1993), Mohd Amir Sharifuddin Hashim *et al.* (1994) dan Sharifah Kamaliah Syed Sofian (1996).

Hatten (1993) dalam kajiannya terhadap 220 pelajar "Small Busines Industries" dengan kaedah kuasi-experimen mendapati bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara tingkah laku afektif pelajar lelaki dan pelajar perempuan (nilai Pillai's Trace = 0.02; nilai F(4, 145) =0.78, p>0.05); dan antara pelajar yang mempunyai latar belakang usahawan atau pun tidak (nilai F= 0.79, p>0.05). Begitu juga dengan dapatan kajian secara tinjauan oleh Mohd. Amir Sharifuddin Hashim *et al.* (1994) terhadap 913 pelajar PUM apabila analisis datanya menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan dalam pencapaian pelajar berdasarkan jantina.

Namun, kajian oleh Sharifah Kamaliah Syed Sofian (1996) terhadap 390 pelajar pula menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara ciri-ciri keusahawanan (tingkah laku afektif) pelajar lelaki dan pelajar perempuan (ujian-t = -2.49, p<0.05) tetapi kajian beliau juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar yang mempunyai latar belakang pekerjaan penjaga peniaga atau pun tidak (ujian t =-0.59, p > 0.05).

Seterusnya, hasil kajian pengkaji didapati tidak selari dengan hasil beberapa kajian terdahulu seperti kajian Salleh (1994), Flemming (1996) dan Zaidatol Akmaliah Lope Pihie *et al.* (1998). Contohnya, kajian Salleh (1994) terhadap 25 ahli sukan dan 25 usahawan dengan kaedah retrospektif menunjukkan bahawa latar belakang keluarga mempunyai pengaruh terhadap pencapaian anak-anak. Begitu juga dengan kajian Flemming (1996) terhadap 419 peserta program keusahawanan. Hal yang demikian juga diperoleh dalam kajian Zaidatol Akmaliah Lope Pihie *et al.* (1998) apabila kajian beliau terhadap 1336 pelajar menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan (ujian-t = 5.09, p<0.05).

Sebagai kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan yang berlainan latar belakang keluarga sama ada dari segi pencapaian tingkah laku kognitif, afektif dan kompetensi keusahawanannya.

RUJUKAN

BANNOCK, G. dan J. STANWORTH. 1990. *The Making of Entrepreneurs.* London: Small Business Research Trust.

BLOOM, B. S. 1956. *Taxonomy of Education Objectives: Handbook I Cognitive Domain.* London: Longman Group Ltd.

COHEN, L. dan L. MANION. 1994. *Research Methods in Education.* 4th ed. New York: Routledge.

FINK, A. dan J. KASECOFF. 1985. *How to Conduct Survey. A Step by Step Guide.* London: SAGE Publication.

FLEMING, P. 1996. Entrepreneurship education in Ireland: a longitudinal study. *Academy of Entrepreneurhip Journal* **2(1)**: 95–119.

HATTEN, T. 1993. Student attitudes toward entrepreneurship as affected by participation in SBI program. Disertasi Ph.D. University of Missouri-Columbia.

MANN, P. H. 1990. Nontraditional business education for black entrepreneurs: observations from a sucessful program. *Journal of Small Business Management* (April): 30–36.

METCALF, R. D. 1985. Producing winners: invariant characteristics of talented coaches. Disertasi Ph.D. United States International University, San Diego.

MOHD. AMIR SHARIFUDDIN HASHIM, BARJOYAI BARDAI, ROGAYAH MAT ZAIN dan ZULKIFLI SENTERI. 1994. Effectiveness of the Young Entrepreneurship Training Programme (YEP): A Malaysian Story. Kertas kerja prosiding dibentangkan di *ENDEC World Conference on Entrepreneur.* 7-9 Julai. Singapore: Nanyang Institute of Technology.

REAVES, C. C. 1992. *Quantitative Research for the Behavioral Sciences*. New York: John Wiley dan Son, Inc.

REXROAD, E. F. 1985. Influential factors the musical development of outstanding professional singer. Disertasi Ph.D. University of Illinois Urbana –Campaign.

ROBIAH SIDIN. 1990. Pendidikan Bermutu Masyarakat Sejahtera. *Suara Pendidik* **13-14 (3&4)**: 21–27.

SHARIFAH KAMALIAH SYED SOFIAN. 1996. The identification of entrepreneurial characteristics among secondary school students in the district of Hulu Langat, Sel. D.E. Disertasi Sarjana Pendidikan. Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.

SALLEH HASSAN. 1994. Peranan persekitaran terhadap perkembangan individu ke tahap kecemerlangan: satu kajian menggunakan kaedah retrospektif. Tesis Ph.D. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

TABACHNICK, B. G. dan L. S. FIDELL. 1996. *Using Multivariate Statistic*. New York: Harper and Row.

WEE LIAN TAN, LAI KUAN SIEW, WEI HONG dan SIEW CHING WONG. 1994. Entrepreneurial spirit among tertiary students in Singapore. Dalam *Proceeding ENDEC on Entrepreneurship*. Singapore: Nanyang Technological University.

ZAIDATOL AKMALIAH LOPE PIHIE. 1992. The importance of business management competencies in preparing students for small business ownership. Disertasi Ph.D. Jabatan Pendidikan Vokasional, Universiti Southern Illinois, Carbondale, USA.

ZAIDATOL AKMALIAH LOPE PIHIE dan HABIBAH ELIAS. 1997. *Keusahawanan & Motivasi Diri*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

ZAIDATOL AKMALIAH LOPE PIHIE, MOHD MAJID KONTING, AB. RAHIM BAKAR dan GENEVIEVE KLANG ANGKING. 1998. Dasar dan pelaksanaan pendidikan keusahawanan di sekolah menengah (Kertas 1). *Seminar Pendidikan Keusahawanan Abad 21* 17 Dis, anjuran Pusat Penyelidikan Dasar Pendidikan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia. Kajang, Selangor: WRC Country Villas.

_____ . 1999. *Laporan Tahunan 1999*. Kementerian Pembangunan Usahawan.

_____ . 1999. *Laporan Tahunan 1999*. Institut Pembangunan Pengurusan Johor.

(Diterima: 14 Ogos 2002)

LAMPIRAN A

JADUAL 6
Skor min dan sisihan piawai setiap pembolehubah bersandar berdasarkan program, jantina dan latar belakang pekerjaan penjaga

Pemboleh ubah bersandar	Pemboleh ubah tak bersandar	min	s.p
	Program		
	PUM	10.54	0.24
	PTB	11.18	0.43
	Jantina		
	Lelaki	10.65	0.38
Kompetensi	Perempuan	11.06	0.32
	Pekerjaan penjaga		
	Kerajaan	10.65	0.27
	Swasta	11.05	0.39
	Peniaga	9.96	0.39
	Petani	10.93	0.60
	Tidak bekerja	11.68	0.88
	Program		
	PUM	16.22	0.27
	PTB	14.06	0.48
	Jantina		
	Lelaki	15.03	0.03
Kognitif	Perempuan	14.97	0.02
	Pekerjaan penjaga		
	Kerajaan	14.77	0.29
	Swasta	15.21	0.44
	Peniaga	14.97	0.44
	Petani	14.91	0.67
	Tidak bekerja	15.83	0.99
	Program		
	PUM	3.83	0.02
	PTB	3.78	0.03
	Jantina		
	Lelaki	3.77	0.03
Afektif	Perempuan	3.84	0.02
	Pekerjaan penjaga		
	Kerajaan	3.81	0.02
	Swasta	3.84	0.03
	Peniaga	3.81	0.03
	Petani	3.81	0.04
	Tidak bekerja	3.76	0.07

LAMPIRAN B

JADUAL 7
Skor min dan sisihan piawai setiap pemboleh ubah bersandar berdasarkan jantina dan latar belakang pekerjaan penjaga bagi setiap program

Pemboleh ubah bersandar	Pemboleh ubah tak bersandar		min	s.p
Kompetensi	PUM	Lelaki	10.61	0.39
		Perempuan	10.46	0.29
	PTB	Lelaki	10.70	0.64
		Perempuan	11.66	0.56
Kognitif	PUM	Lelaki	16.40	0.44
		Perempuan	16.03	0.33
	PTB	Lelaki	14.21	0.73
		Perempuan	13.92	0.64
Afektif	PUM	Lelaki	3.79	0.03
		Perempuan	3.86	0.02
	PTB	Lelaki	3.75	0.05
		Perempuan	3.82	0.04
Kompetensi	PUM	Kerajaan	10.68	0.30
		Swasta	10.99	0.44
		Peniaga	10.51	0.43
		Petani	10.36	0.49
		Tidak bekerja	10.13	0.87
	PTB	Kerajaan	10.62	0.435
		Swasta	11.10	0.65
		Peniaga	9.41	0.66
		Petani	11.50	1.08
		Tidak bekerja	13.25	1.53
Kognitif	PUM	Kerajaan	15.80	0.34
		Swasta	16.53	0.49
		Peniaga	16.19	0.49
		Petani	16.66	0.55
		Tidak bekerja	15.90	0.99
	PTB	Kerajaan	13.75	0.49
		Swasta	13.88	0.73
		Peniaga	13.76	0.74
		Petani	13.17	1.23
		Tidak bekerja	15.75	1.73
Afektif	PUM	Kerajaan	3.82	0.02
		Swasta	3.83	0.03
		Peniaga	3.82	0.03
		Petani	3.81	0.04
		Tidak bekerja	3.85	0.07
	PTB	Kerajaan	3.79	0.03
		Swasta	3.84	0.05
		Peniaga	3.80	0.05
		Petani	3.82	0.80
		Tidak bekerja	3.67	0.11